

20 JUL 2002

Kalif-Politik/I

POLITIK SUBSTANTIF ISLAM ADALAH AMALAN TERBAIK - CENDEKIAWAN

Oleh: Ahmad Fuad Yahya

KUALA LUMPUR, 20 Julai (Bernama) -- Politik substantif Islam merupakan amalan terbaik bagi negara-negara Islam daripada formalisme Islam dalam politik yang boleh membawa kepada pertandingan dan konflik di kalangan orang Islam bagi mendominasi ajaran dan makna Islam, kata seorang cendekiawan Islam hari ini.

Prof Azyumardi Azra, Rektor Universiti Islam Negara (UIN) di Jakarta, Indonesia, berkata politik substantif Islam menggunakan nilai-nilai Islam yang sejagat dalam konsep dan amalan politik.

Prof Azyumardi yang menegaskan bahawa tidak sepatutnya wujud pemisahan antara Islam dan politik mencadangkan diamalkan nilai-nilai Islam seperti keadilan, kesaksamaan dan hormat terhadap kepelbagaian politik Islam.

Pada masa yang sama, negara-negara Islam juga patut mengguna pakai etika Islam mengenai politik seperti yang telah ditekankan oleh ramai ulama termasuk Al-Ghazali, katanya kepada Bernama ketika ditemui pada Forum Antarabangsa Kuala Lumpur mengenai Islam (Kalif) 2002 di sini.

Prof Azyumardi juga percaya bahawa tidak perlu mewujudkan sebuah negara Islam oleh negara-negara Islam kerana dengan berbuat demikian ia akan bermakna wujud formalisme Islam dalam politik.

Pada ketika ini, beliau berkata tiada sebarang kata sepakat di kalangan golongan pemikir politik dan ulama Islam mengenai jenis model yang akan digunakan bagi sebuah negara Islam.

"Sudah tentu ada beberapa negara yang mendakwa sebagai sebuah negara Islam tetapi saya tidak fikir terdapat satu model tertentu sebuah negara Islam," katanya.

Prof Azyumardi berkata Indonesia dan Malaysia boleh digelar sebagai negara-negara yang nilai-nilai dan cara hidup Islam diberi perhatian oleh kerajaan dan juga masyarakatnya.

"Saya berpendapat Kerajaan Malaysia sedang cuba melaksanakan nilai-nilai Islam sejagat dan di Indonesia, tetapi terdapat beberapa kumpulan yang mahu menjadikan Islam sebagai asas negara secara rasminya atau dalam kata lain cuba mewujudkan sebuah negara Islam di Malaysia dan Indonesia."

"Tetapi saya percaya majoriti orang Islam di Malaysia dan Indonesia tidak menyokong hasrat itu kerana terdapat banyak risiko dan bahaya apabila menggunakan Islam sebagai asas rasmi sebuah negara," katanya.

Risiko berkenaan termasuk kekurangan kesepakatan pendapat di kalangan para cendekiawan Islam mengenai makna sebuah negara Islam.

Prof Robert W. Hefner, seorang profesor antropologi di Universiti Boston di Amerika Syarikat, berkata pengisytiharan Malaysia sebagai sebuah negara Islam oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah konsisten dengan amalan nilai-nilai Islam oleh Kerajaan Malaysia.

Beliau berkata intipati nilai-nilai berkenaan adalah penting berbanding formalisme kosong.

"Dr Mahathir bercakap mengenai pencapaian dalam pendidikan, pembasmian kemiskinan, peningkatan besar-besaran dalam kebajikan sosial yang kita selalu lihat di Malaysia dan saya ingin katakan bahawa sebagai orang luar saya faham mengenai Islam. Pencapaian berkenaan adalah konsisten dengan nilai-nilai Islam," katanya kepada Bernama.

Prof Hefner berkata umumnya dalam tradisi Islam terdapat pengiktirafan bahawa politik adalah penting terhadap kebajikan manusia, terhadap keadilan sosial dan terhadap moral dan ia tidak patut dipisahkan sepenuhnya daripada

agama.

Bagaimanapun, perkara itu kadang-kadang disalah tafsir bagi mengimbangi mana-mana dan semua jenis tindakan politik, katanya.

-- BERNAMA

AFY AZZ RHM